

24) PERUMAHAN MAMPU MILIK DAN MENAIK TARAF IMEJ BANGUNAN RUMAH

Adun : Y.B. Tuan Preakas A/L Sampunathan (Kota Kemuning)

Kategori : Lisan

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

a) Adakah Kerajaan mempunyai perancangan menambah projek perumahan PPR atau Smart Sewa di DUN Kota Kemuning atau terdekat?

Untuk makluman Yang Berhormat, projek sedia ada di DUN Kota Kemuning adalah PPR Kampung Baru Hicom, Shah Alam. Buat masa ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tiada dalam cadangan penambahan projek PPR Baharu di Kawasan DUN ini. Namun demikian, Kerajaan Negeri sedang berkerjasama dengan pihak KPKT bagi rancangan membangunkan Program Perumahan Rakyat (PPR) baharu di lokasi yang lain terutamanya dalam membantu golongan B40. Program Perumahan Rakyat (PPR) terdahulu telah dijenamakan semula kepada nama baharu iaitu Program Residensi Rakyat (PRR). Terdapat dua (2) projek PRR di Negeri Selangor yang sedang dirancang iaitu :

- (i) PRR Harmoni Madani di Bestari Jaya, Kuala Selangor melibatkan pembinaan sebanyak 245 unit di atas tanah milikan asal oleh Berjayacity Sdn Bhd melalui serahan tanah kepada Kerajaan Negeri sebagai tanah kerajaan. Pemberimilikan tanah akan dibuat kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) manakala KPKT telah melantik PRIMA sebagai agensi pelaksana. Projek ini telah diluluskan oleh KPKT sebagai projek PRR baharu bagi tahun 2024.
- (ii) PRR Kg Dato' Ahmad Razali, Sepang melibatkan pembinaan sebanyak 200 unit di atas tanah milikan LPHS dengan rancangan pemajuan dijangkakan dilaksanakan pada awal tahun 2026 melalui kerjasama LPHS dan KPKT.

Untuk makluman Yang Berhormat seterusnya, projek RSKU di bawah Skim Smart Sewa sedia ada di DUN Kota Kemuning adalah Pangsapuri Harmoni, Putra Heights, Pangsapuri Aranda, Kota Kemuning dan Pangsapuri Kemuning Idaman, Kota Kemuning. Buat masa ini, Kerajaan Negeri tiada dalam cadangan penambahan projek Smart Sewa Baharu di Kawasan DUN ini.

b) Adakah Kerajaan bercadang untuk menaik taraf imej bangunan rumah kos rendah seperti flat di Taman Sri Muda dan Alam Megah, termasuk usaha mengecat dan penyelenggaraan bangunan?

Kerajaan Negeri Selangor sentiasa komited dalam usaha meningkatkan kualiti kehidupan rakyat, terutamanya penghuni rumah kos rendah berstrata yang memerlukan sokongan dari segi penyelenggaraan bangunan dan kemudahan bersama. Kawasan seperti Taman Sri Muda dan Alam Megah, yang merupakan antara kawasan padat penduduk dan mempunyai bangunan lama, turut diberi perhatian di bawah pelbagai program dan inisiatif kerajaan negeri.

Secara prinsipnya, tanggungjawab penyelenggaraan bangunan dan harta bersama adalah terletak di bawah Badan Pengurusan yang sah, sama ada Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC), selaras dengan peruntukan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757). Badan pengurusan ini bertanggungjawab memastikan bangunan sentiasa dalam keadaan selamat dan terpelihara.

Namun begitu, Kerajaan Negeri Selangor menyediakan beberapa saluran bantuan bagi membantu pengurusan bangunan strata kos rendah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan menaik taraf harta bersama.

Pertama, melalui Skim CERIA (*Caring Government for Residents' Improvement Aid*) yang dikendalikan oleh Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS). Skim ini menawarkan bantuan kewangan bagi kerja-kerja seperti mengecat semula bangunan, membaiki bumbung bocor, menggantikan tangki air utama, membaiki sistem pendawaian dan paip, serta penambahbaikan kemudahan harta bersama. Permohonan bagi skim ini boleh dibuat secara terus oleh Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC) kepada LPHS.

Kedua, Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) yang disediakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Tabung ini bertujuan membantu kerja-kerja penyelenggaraan kritikal bangunan strata kos rendah, terutamanya yang melibatkan keselamatan dan kebajikan penghuni. Permohonan untuk tabung ini perlu dikemukakan oleh JMB atau MC melalui Pesuruhjaya Bangunan (COB) kepada pihak KPKT.

Ketiga, Projek Selangor Penyayang (PSP) merupakan inisiatif khas Kerajaan Negeri Selangor yang memberi tumpuan kepada peningkatan kualiti hidup penduduk perumahan kos rendah, termasuk kerja-kerja pengecatan semula bangunan dan penambahbaikan persekitaran fizikal. Permohonan bagi

pelaksanaan projek ini dibuat melalui Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan masing-masing, dan disalurkan kepada LPHS selaku urus setia pelaksanaan PSP.

Maka, JMB dan MC yang berkecualan digalakkan untuk memohon secara rasmi kepada agensi-agensi berkaitan bagi mendapatkan bantuan mengikut keperluan semasa bangunan mereka.

Kerajaan Negeri akan terus menyokong dan memperkasa komuniti strata di Selangor menerusi pendekatan bersasar dan menyeluruh bagi mewujudkan persekitaran perumahan yang selamat, bersih, kondusif dan sejahtera untuk semua.

